

# KWSP struktur semula akaun 2 Januari

BH-30/12/2006

**K**UALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menstrukturkan semula akaun ahlinya berkuat kuasa pada 2 Januari ini dalam usaha meningkatkan jumlah simpanan persaraan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Azlan Zainol, berkata dengan penstrukturkan semula akaun bilangan akaun ahli digabungkan kepada dua daripada tiga akaun sekarang.

"Akaun berkenaan, Akaun 1 yang membabitkan 70 peratus daripada simpanan ahli dan Akaun 2, 30 peratus daripada simpanan ahli," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

"Ketika ini, ahli mempunyai tiga akaun iaitu Akaun 1 (60 peratus daripada simpanan ahli), Akaun 2 (30 peratus daripada simpanan ahli) dan Akaun 3 (10 peratus)," katanya.

Sebagai permulaan, simpanan yang kini terdapat dalam Akaun 3 yang digunakan untuk pengeluaran berkaitan penyakit kritikal akan diserapkan ke dalam Akaun 2.

Beliau berkata, caruman dibuat selepas Selasa ini akan disalurkan ke dalam Akaun 1 dan Akaun 2 masing-masing dengan pembahagian sebanyak 70 peratus dan 30 peratus, ini membolehkan ahli memperoleh jumlah simpanan yang lebih besar untuk pe-

ngeluaran perumahan, pendidikan, ketika usia 50 tahun dan kesihatan.

"Dengan adanya perubahan ini, ahli perlu merancang keutamaan pengeluaran prapersaraannya dengan lebih berhati-hati, ia disebabkan semua pengeluaran dibuat daripada akaun sama iaitu Akaun 2," katanya.

Beliau berkata, penstrukturkan semula akaun ini memberikan banyak manfaat kepada ahli dalam jangka masa panjang dengan meningkatkan jumlah simpanan persaraan dan ahli mempunyai lebih kawalan terhadap simpanan mereka untuk kegunaan semasa.

Sebagai rekod, katanya, simpanan di Akaun 1 tidak boleh dikeluarkan sebelum ahli berusia 55 tahun, bagaimanapun, ahli boleh melaburkan sebahagian daripada simpanan dalam Akaun 1 dalam pelaburan yang diuruskan pengurus dana luaran diluluskan.

Azlan berkata, berkuat kuasa Selasa ini juga, pengeluaran 55 tahun

**“Berkuat kuasa Selasa ini, pengeluaran 55-tahun dibuat sebelum dividen 2006 diisytiharkan, KWSP membayar dividen minimum sebanyak 2.5 peratus”**

**Azlan Zainol**  
Ketua Pegawai Eksekutif KWSP

yang dibuat sebelum dividen 2006 diisytiharkan, KWSP akan membayar dividen minimum sebanyak 2.5 peratus dulu ke atas simpanan dikeluarkan.

"Bakinya akan dibayar selepas kadar dividen sebenar diisytiharkan, langkah ini dibuat untuk kepentingan ahli kerana mereka akan menerima bayaran dividen berdasarkan kadar dividen sebenar.

"Sebelum ini, bayaran dividen adalah berdasarkan kadar dividen terakhir diumumkan," katanya.

Beliau berkata, bayaran dividen tambahan dimasukkan ke dalam akaun bank ahli secara automatik tidak lewat dari seminggu selepas dividen diisytiharkan, oleh itu ahli diminta memastikan akaun bank mereka terus aktif.

Katanya, dalam mencadangkan perubahan ini, KWSP mengambil kira bahawa simpanan persaraan ahli akan berkurangan dalam tempoh purata satu hingga 10 tahun selepas pengeluaran penuh dibuat pada usia 55 tahun.

Azlan berkata, KWSP juga perlu menggantikan sistem teknologi maklumat sedia ada dengan sistem baru, berikutan itu terdapat sedikit kelewatan dalam memproses permohonan pengeluaran simpanan yang diterima dalam bulan ini.

Bagaimanapun keadaan ini hanya sementara dan permohonan berkenaan dijangka dapat diselesaikan sebelum akhir bulan depan, katanya.

"KWSP memohon ahli bersabar dan memahami keadaan semasa tempoh peralihan sistem teknologi maklumat ini kerana ia dibuat untuk kepentingan masa depan ahli," katanya. - Bernama